

19/05/1997

PM mula bercuti di London

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke London malam ini untuk memulakan percutiannya yang turut merangkumi lawatan kerja.

Turut hadir di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri Kabinet, ahli Parlimen dan Senator.

Perdana Menteri yang bercuti buat pertama kali dalam tempoh 16 tahun dijangka mengadakan lawatan kerja selama lima hari di negara Eropah untuk mempromosikan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Beliau juga meluangkan masa untuk menulis pengalamannya.

Esok, Perdana Menteri dijangka menemui rakan sejawatannya, Tony Blair, pemimpin Parti Buruh yang menjadi Perdana Menteri Britain selepas memenangi pilihan raya umum, baru-baru ini.

Kemuncak lawatannya di London ialah Persidangan Pelaburan bagi mempromosikan MSC di Eropah pada Selasa ini di mana beliau akan menyampaikan ucap-tama mengenai MSC kepada kira-kira 1,000 wakil syarikat Eropah yang terbabit dalam industri Teknologi Maklumat.

Dr Mahathir juga dijadualkan menemui beberapa ketua eksekutif syarikat IT terkemuka Eropah selepas persidangan itu selain melawat GEC-Marcorn Materials Technology Ltd, esok.

Pada Rabu, beliau akan menemui ketua eksekutif media massa Britain, termasuk Perbadanan Penyiaran Britain (BBC), Reuter dan Wall Street Journal selain Connetware and Bernie Wysocki.

Keesokannya, Perdana Menteri akan melawat Universiti Warwick serta mendengar taklimat mengenai kerjasama antara universiti itu dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Pada hari yang sama, beliau akan mengadakan pertemuan makan tengah hari dengan pegawai Rover dan British Aerospace.

Dr Mahathir turut menemui pelajar Malaysia di universiti itu dan Universiti Coventry ketika di Universiti Warwick.

Pada hari akhir lawatan kerjanya, Perdana Menteri akan melawat Commonwealth Partnership Technical Management (CPTM), badan yang bertanggungjawab mengendalikan Dialog Antarabangsa Langkawi dan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika.

(END)